

Jawatankuasa khas pantau pengambilan pasir sungai

PUTRAJAYA: Satu jawatankuasa diwujudkan untuk memantapkan mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti pengambilan pasir sungai terutama yang terbabit dengan program Rancangan Tebatan Banjir (RTB).

Keputusan itu dicapai dalam Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Ke-7 (MSAN) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini, semalam.

Mesyuarat turut dihadiri Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Unggah Embas serta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui.

Jurucakap Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dalam satu kenyataan berkata, langkah itu diambil berikutan Kerajaan Persekutuan terpaksa membelanjakan peruntukan besar



TENANG...Muhyiddin ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara Ke-7 bersama Douglas (kiri), semalam.

bagi membaik pulih morfologi sungai yang rosak akibat aktiviti pengambilan pasir sungai.

“Selain menjejaskan kualiti air sungai, pengambilan pasir yang melebihi had menyebabkan dasar sungai menurun, seterusnya menyebabkan keadaan tidak stabil dan mengancam struktur awam

seperti jambatan, rumah pam dan muka sauk.

“Aktiviti pengambilan pasir yang tidak mematuhi syarat teknikal ditetapkan juga boleh merosakkan morfologi sungai, sekali gus menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek RTB dan meningkatkan bebanan kos pelaksanaannya,” katanya.

Menurut jurucakap itu lagi, semua kerajaan negeri turut maklum mengenai status dan masalah eutrofikasi (pencemaran air disebabkan nutrien berlebihan dalam ekosistem air) bagi tasik dan empangan air yang tersenarai dalam kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (Nahrim).